

P.U. (A) 37.

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(DEPOSIT, FI DAN CAJ PERKHIDMATAN AIR) 2014

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

DEPOSIT

3. Deposit bagi akaun bekalan air
4. Kajian semula deposit
5. Formula bagi kajian semula
6. Deposit yang dikaji semula
7. Akaun yang sedia ada
8. Bayaran balik deposit
9. Deposit bagi pengujian meter
10. Deposit bagi bekalan bermeter sementara

BAHAGIAN III

FI DAN CAJ

11. Fi bagi pemasangan meter
12. Caj pemotongan atau penyambungan semula bekalan air
13. Caj pengujian injap aliran tetap

BAHAGIAN IV
SUMBANGAN MODAL

Peraturan

14. Sumbangan modal
15. Penetapan sumbangan modal bagi premis yang dinyatakan dalam Bahagian I dan II Jadual Ketiga
16. Pembayaran sumbangan modal bagi premis yang dinyatakan dalam Bahagian I dan II Jadual Ketiga
17. Penetapan sumbangan modal bagi premis yang dinyatakan dalam Bahagian III Jadual Ketiga
18. Pembayaran sumbangan modal bagi premis yang dinyatakan dalam Bahagian III Jadual Ketiga

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006**PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(DEPOSIT, FI DAN CAJ PERKHIDMATAN AIR) 2014**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 84, 85 dan 179 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I**PERMULAAN****Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2014.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anggaran permintaan air” ertinya anggaran permintaan air harian yang diperlukan bagi suatu premis yang dinyatakan dalam Jadual Kelima;

“kadar perkhidmatan bekalan air” ertinya kadar yang ditetapkan bagi perkhidmatan bekalan air di bawah Akta atau mana-mana undang-undang bertulis lain;

“kos kelengkapan atau mesin” ertinya kos sewaan bagi sesuatu kelengkapan atau mesin dalam melaksanakan kerja yang berkaitan;

“kos penggalian dan pemulihan semula” ertinya kos untuk menggali dan memulih semula sesuatu kawasan kepada keadaan asal dan termasuk caj tenaga kerja dan kos sewaan bagi penggali atau kenderaan bermotor, dan apa-apa kelengkapan lain yang digunakan bagi kerja penggalian dan pemulihan semula;

“kos pengujian meter” ertinya kos anggaran yang akan ditentukan oleh pemegang lesen perkhidmatan selepas mengambil kira kos yang berikut:

- (a) caj tenaga kerja standard untuk memindah, menguji dan memasang semula meter air;
- (b) kos kelengkapan atau mesin; dan
- (c) kos pengangkutan;

“kos permit kerja” ertinya kos yang ditanggung dalam memenuhi apa-apa peruntukan undang-undang yang berkaitan atau apa-apa pemberikuasaan atau permit yang dikeluarkan di bawah undang-undang yang berkaitan bagi penjalanan kerja pemotongan atau penyambungan semula;

“kos sebenar pemotongan atau penyambungan semula” ertinya kos sebenar yang ditanggung oleh pemegang lesen perkhidmatan bagi pemotongan atau penyambungan semula bekalan air yang termasuk—

- (a) kos pengangkutan;
- (b) kos penggalian dan pemulihan semula;
- (c) kos permit kerja; dan
- (d) kos kelengkapan atau mesin;

“sesalur utama awam” ertinya apa-apa paip air yang disenggara dan dikawal oleh pemegang lesen perkhidmatan yang kepadanya paip air perkhidmatan boleh disambungkan;

“sistem retikulasi luaran” ertinya—

- (a) suatu rangkaian talian paip tidak termasuk paip air perkhidmatan dan agihan dalam suatu kawasan pembangunan pemaju yang bersambung dengan sesalur utama bekalan;
- (b) hendaklah termasuk takungan perkhidmatan, tangki sedutan, stesen pengepam, injap, pili, meter daerah, stesen persampelan, sistem telemetri, paip penghubung dan apa-apa perlengkapan, kelengkapan, peranti dan pemasangan lain yang bersambung dengan rangkaian itu; dan
- (c) termasuk tanah di mana takungan perkhidmatan, tangki sedutan, stesen pengepam, injap, pili, meter daerah, stesen persampelan, sistem telemetri, paip penghubung dan apa-apa perlengkapan, kelengkapan, peranti dan pemasangan lain itu ditempatkan.

BAHAGIAN II

DEPOSIT

Deposit bagi akaun bekalan air

3. Mana-mana pengguna bagi mana-mana kategori premis yang dinyatakan dalam ruang (2) Bahagian I Jadual Pertama yang membuka suatu akaun bekalan air dengan pemegang lesen perkhidmatan hendaklah membayar suatu deposit pada kadar yang dinyatakan dalam ruang (3) Bahagian I Jadual Pertama kepada pemegang lesen perkhidmatan.

Kajian semula deposit

4. (1) Deposit yang kena dibayar di bawah peraturan 3 hendaklah dikaji semula oleh pemegang lesen perkhidmatan dalam hal suatu akaun bekalan air di bawah—
- (a) butiran 1 Bahagian I Jadual Pertama, secara tahunan pada setiap 31 Januari; dan
 - (b) butiran 2 Bahagian I Jadual Pertama, pada tiap-tiap enam bulan pada 31 Januari dan 31 Julai, masing-masingnya.
- (2) Kajian semula deposit yang pertama di bawah—
- (a) perenggan (1)(a), hendaklah pada 31 Januari 2015; dan
 - (b) perenggan (1)(b), hendaklah pada 31 Julai 2014.
- (3) Deposit bagi mana-mana akaun bekalan air yang telah dibuka bagi suatu tempoh kurang daripada enam bulan sebelum apa-apa tarikh kajian semula di bawah subperaturan (1) dan (2) tidak boleh dikaji semula pada tarikh kajian semula itu tetapi pada tarikh kajian semula yang berikutnya.
- (4) Deposit bagi akaun bekalan air yang dinyatakan di bawah butiran 3 dan 4 Bahagian I Jadual Pertama dikecualikan daripada apa-apa kajian semula di bawah peraturan ini.

Formula bagi kajian semula

5. Deposit bagi suatu akaun bekalan air hendaklah dikaji semula mengikut formula yang berikut:

- (a) dalam hal suatu akaun bekalan air, berkenaan dengan premis yang dinyatakan di bawah butiran 1 Bahagian I Jadual Pertama yang dibuka bagi suatu—

- (i) tempoh genap dua belas bulan sebelum tarikh kajian semula di bawah peraturan 4—

$$\text{Deposit} = (\text{Purata penggunaan bulanan bagi tempoh dua belas bulan sebelum bulan kajian semula}) \times (\text{kadar perkhidmatan bekalan air}) \times 2; \text{ atau}$$

- (ii) tempoh yang kurang daripada dua belas bulan sebelum tarikh kajian semula di bawah peraturan 4—

$$\text{Deposit} = (\text{Purata penggunaan bulanan bagi jumlah bilangan bulan sebelum bulan kajian semula}) \times (\text{kadar perkhidmatan bekalan air}) \times 2; \text{ dan}$$

- (b) dalam hal suatu akaun bekalan air yang berkenaan dengan premis yang dinyatakan di bawah butiran 2 Bahagian I Jadual Pertama—

Deposit = (Purata penggunaan bulanan bagi suatu tempoh enam bulan sebelum bulan kajian semula) x (kadar perkhidmatan bekalan air) x 2.

Deposit yang dikaji semula

6. (1) Jika deposit yang dikaji semula dikira di bawah peraturan 5 adalah lebih tinggi daripada deposit sedia ada, pemegang lesen perkhidmatan hendaklah mencajkan deposit tambahan kepada akaun bekalan air pengguna pada pengebilan yang berikutnya yang kena dibayar oleh pengguna.

(2) Jika deposit yang dikaji semula dikira di bawah peraturan 5 adalah lebih rendah daripada deposit yang sedia ada, pemegang lesen perkhidmatan hendaklah membayar balik amaun lebihan itu ke dalam akaun bekalan air pengguna pada pengebilan yang berikutnya.

(3) Walau apa pun butiran 1(a) Bahagian 1 Jadual Pertama, deposit maksimum yang kena dibayar oleh pengguna bagi flat atau rumah kos rendah tidak boleh lebih satu ratus ringgit.

(4) Walau apa pun subperaturan (2), deposit minimum yang kena dibayar oleh pengguna bagi premis yang dinyatakan dalam ruang (2) Bahagian I Jadual Pertama hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) Bahagian I Jadual Pertama.

(5) Walau apa pun subperaturan (1) dan (2), deposit hendaklah hanya dilaraskan jika perbezaan antara deposit dikaji semula dengan deposit sedia ada ialah lima ringgit atau lebih.

Akaun yang sedia ada

7. (1) Walau apa pun peraturan 3, deposit yang kena dibayar bagi suatu akaun bekalan air yang sedia ada di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang dibuka sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah kekal sama sebagaimana sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini sehingga deposit itu dikaji semula di bawah peraturan 4.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), deposit yang kena dibayar bagi suatu akaun bekalan air sedia ada berhubung dengan premis yang dinyatakan di bawah butiran 3 dan 4 Bahagian I Jadual Pertama hendaklah kekal sama sebagaimana sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini dan dikecualikan daripada apa-apa kajian semula.

(3) Apabila kajian semula suatu akaun bekalan air sedia ada berhubung dengan premis di bawah butiran 1 atau 2 Bahagian I Jadual Pertama, jika amaun deposit dikaji semula bagi akaun bekalan air yang sedia ada itu adalah—

- (a) lebih rendah daripada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Pertama, deposit yang kena dibayar itu hendaklah kekal sama sebagaimana sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini; atau
- (b) lebih tinggi daripada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Pertama, deposit yang kena dibayar itu hendaklah dilaraskan mengikut subperaturan 6(1) dan tertakluk kepada subperaturan 6(3) atau (5), mengikut mana-mana yang berkenaan.

Bayaran balik deposit

8. (1) Apabila penamatan suatu akaun bekalan air, deposit bagi akaun bekalan air itu hendaklah dibayar balik oleh pemegang lesen perkhidmatan tanpa faedah kepada pengguna dalam bentuk wang tunai atau cek dalam tempoh tidak kurang daripada dua bulan dari tarikh penamatan itu.

(2) Pemegang lesen perkhidmatan berhak untuk menolak daripada deposit itu apa-apa amaun tertunggak kepada pemegang lesen perkhidmatan.

Deposit bagi pengujian meter

9. (1) Mana-mana pengguna yang memohon kepada pemegang lesen perkhidmatan untuk menguji sesuatu meter di bawah kaedah 78 Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014 [P.U. (A) 36/2014] hendaklah membayar kepada pemegang lesen perkhidmatan suatu deposit yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama.

(2) Sekiranya keputusan pengujian meter mendapati sesuatu—

- (a) meter mencatat dengan betul di bawah subkaedah 78(4) Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014, deposit yang dibayar itu hendaklah dilucutahkan oleh pemegang lesen perkhidmatan; atau
- (b) meter mencatat dengan salah di bawah subkaedah 78(5) Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014, deposit yang dibayar itu hendaklah dibayar balik tanpa faedah kepada pengguna itu.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), jika deposit dibayar oleh pengguna bagi pengujian meter di bawah butiran 2 Bahagian II Jadual Pertama, pemegang lesen perkhidmatan hendaklah—

- (a) hanya melucutahkan daripada amaun yang didepositkan itu kos sebenar yang ditanggung untuk menguji meter itu dan membayar balik bakinya kepada pengguna, jika ada; dan

- (b) menanggung kos tambahan bagi pengujian meter itu jika deposit yang dibayar kurang daripada kos sebenar yang ditanggung untuk menguji meter itu.
- (4) Tertakluk kepada subperaturan (2) dan (3), pemegang lesen perkhidmatan hendaklah membayar balik deposit kepada pengguna dalam bentuk wang tunai atau cek dalam masa tiga puluh hari selepas memperoleh keputusan ujian itu.
- (5) Jika pemegang lesen perkhidmatan gagal untuk membayar balik deposit di bawah subperaturan (4), faedah pada kadar lapan peratus setahun atas amaun tertunggak hendaklah dicajkan kepada pemegang lesen perkhidmatan bagi setiap hari yang lewat.
- Deposit bagi bekalan bermeter sementara**
10. (1) Mana-mana pengguna yang memohon bagi bekalan bermeter sementara di bawah kaedah 91 Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014 hendaklah membayar kepada pemegang lesen perkhidmatan deposit yang dinyatakan dalam Bahagian III Jadual Pertama.
- (2) Pemegang lesen perkhidmatan hendaklah membayar balik deposit itu tanpa faedah kepada pengguna dalam bentuk wang tunai atau cek apabila bekalan bermeter sementara itu ditamatkan selepas menolak apa-apa amaun tertunggak kepada pemegang lesen perkhidmatan.
- (3) Deposit di bawah subperaturan (2) hendaklah dibayar balik kepada pengguna dalam masa dua bulan dari tarikh penamatan bekalan bermeter sementara.

BAHAGIAN III

FI DAN CAJ

Fi pemasangan meter

11. (1) Mana-mana pengguna yang memohon kepada pemegang lesen pengagihan air bagi pemasangan suatu meter buat kali pertama hendaklah membayar fi pemasangan kepada pemegang lesen pengagihan air pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Kedua.
- (2) Walau apa pun subperaturan (1), pengguna yang mempunyai meter yang ditempatkan dalam sempadan premis pengguna hendaklah juga membayar fi pemasangan kepada pemegang lesen pengagihan air pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Kedua setiap kali meter dipasang oleh pemegang lesen pengagihan air atas permohonan pengguna.

Caj pemotongan atau penyambungan semula bekalan air

12. (1) Mana-mana pengguna yang bekalan airnya dipotong atau disambung semula di bawah seksyen 89 Akta atau kaedah 89 Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014 hendaklah membayar caj bekalan air bagi pemotongan atau penyambungan semula kepada pemegang lesen pengagihan air pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Kedua.

(2) Pengguna hendaklah membayar kepada pemegang lesen pengagihan air caj bagi notis pemotongan bekalan air yang dihantar kepada pengguna sebelum pemotongan bekalan air pengguna pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Kedua.

Caj pengujian injap aliran tetap

13. Mana-mana pengguna yang menghendaki pemegang lesen perkhidmatan untuk menguji suatu injap aliran tetap di bawah subkaedah 95(3) Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014 hendaklah membayar caj pengujian injap aliran tetap kepada pemegang lesen perkhidmatan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian III Jadual Kedua.

BAHAGIAN IV**SUMBANGAN MODAL****Sumbangan modal**

14. (1) Pemaju atau pemilik mana-mana premis yang dinyatakan dalam Bahagian I, II dan III Jadual Ketiga yang akan disambungkan ke sesalur utama awam boleh dicajkan suatu sumbangan modal oleh pemegang lesen.

(2) Jika pemaju atau pemilik premis di bawah subperaturan (1) dicajkan dengan suatu sumbangan modal oleh pemegang lesen, pemaju atau pemilik hendaklah membayar sumbangan modal itu kepada pemegang lesen.

(3) Pemaju atau pemilik mana-mana premis yang dinyatakan dalam Jadual Keempat tidak boleh dicajkan dengan suatu sumbangan modal.

(4) Jika pemaju atau pemilik mana-mana premis di bawah subperaturan (2) gagal membayar sumbangan modal kepada pemegang lesen di bawah subperaturan (2), pemegang lesen berhak untuk tidak menyambungkan sesalur utama awam ke premis itu.

Penetapan sumbangan modal bagi premis yang dinyatakan dalam Bahagian I dan II Jadual Ketiga

15. (1) Pemaju bagi premis yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Ketiga dan pemaju atau pemilik, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi premis yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Ketiga, hendaklah mengemukakan suatu penilaian bagi sumbangan modalnya kepada pemegang lesen apabila mengemukakan pelan dan spesifikasi bagi sistem retikulasi luaran berhubung dengan sistem bekalan air di bawah kaedah 9 Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014.

(2) Penilaian yang dikemukakan di bawah subperaturan (1) hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) bilangan unit premis;
- (b) jenis premis yang dinyatakan dalam Bahagian I atau II Jadual Ketiga;
- (c) jika premis itu dibina untuk dijual, harga jualan yang dicadangkan bagi premis itu;
- (d) jika premis itu dibina untuk tidak dijual, nilai pasaran bagi premis itu sebagaimana ditetapkan oleh seorang penilai berlesen atas kos pemaju atau pemilik;
- (e) anggaran permintaan air bagi premis itu; dan
- (f) pengiraan amanun yang kena dibayar bagi sumbangan modal.

(3) Apabila menerima penilaian di bawah subperaturan (2), pemegang lesen hendaklah menetapkan kadar bagi sumbangan modal yang kena dibayar oleh pemaju atau pemilik itu mengikut kadar yang dinyatakan dalam Bahagian I atau II Jadual Ketiga, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pembayaran sumbangan modal bagi premis yang dinyatakan dalam Bahagian I dan II Jadual Ketiga

16. (1) Apabila penetapan sumbangan modal ditentukan di bawah subperaturan 17(3), pemaju atau pemilik premis yang dinyatakan dalam Bahagian I dan II Jadual Ketiga hendaklah membayar sumbangan modal kepada pemegang lesen seperti yang berikut:

- (a) dalam hal jika sesalur utama bekalan dan takungan perkhidmatan dibina oleh pemaju di bawah subkaedah 6(3) Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014, pada kadar yang dinyatakan dalam ruang (3) Bahagian I atau ruang (3) Bahagian II Jadual Ketiga, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

- (b) dalam hal jika sesalur utama bekalan dan takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen di bawah subkaedah 7(4) Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014, pada kadar yang dinyatakan dalam ruang (4) Bahagian I atau ruang (4) Bahagian II Jadual Ketiga, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Pembayaran bagi sumbangan modal di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat oleh pemaju atau pemilik kepada pemegang lesen mengikut cara yang berikut:

- (a) sepuluh peratus daripada amaun keseluruhan sumbangan modal yang kena dibayar hendaklah dibayar apabila pelan dan spesifikasi diluluskan bagi sistem retikulasi luaran berhubung dengan sistem bekalan air yang dikemukakan di bawah kaedah 9 Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014;
- (b) tiga puluh peratus daripada amaun keseluruhan sumbangan modal yang kena dibayar hendaklah dibayar dalam masa sembilan bulan selepas kelulusan pelan dan spesifikasi bagi sistem retikulasi luaran yang berhubung dengan sistem bekalan air yang dikemukakan di bawah kaedah 9 Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014; dan
- (c) baki selebihnya daripada sumbangan modal yang kena dibayar hendaklah kena dibayar apabila—
- (i) pemaju atau pemilik mengemukakan permohonan kepada pemegang lesen bagi penyambungan sesalur utama bekalan ke suatu tempat tebukan yang diluluskan sepanjang sesalur utama awam; atau
 - (ii) penyambungan sistem retikulasi luaran ke sesalur utama awam.

Penetapan sumbangan modal bagi premis yang dinyatakan di bawah Bahagian III Jadual Ketiga

17. (1) Apabila menerima pengemukaan pelan paip penghubung dan tempat tebukan di bawah kaedah 88 Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air dan Pemasangan Paip) 2014, pemegang lesen hendaklah menetapkan nilai pasaran premis itu bagi maksud mengira sumbangan modal.

(2) Apabila nilai pasaran premis ditetapkan di bawah subperaturan (1), pemegang lesen hendaklah memaklumkan pemilik premis itu tentang amaun sumbangan modal yang kena dibayar oleh pemilik itu kepada pemegang lesen.

(3) Dalam hal jika pemilik mempertikaikan amaun sumbangan modal yang ditentukan oleh pemegang lesen di bawah subperaturan (2), pemilik itu boleh, dengan kosnya sendiri, mengambil khidmat seorang penilai berlesen yang diiktiraf oleh Suruhanjaya untuk menentukan nilai pasaran premis itu.

(4) Penilaian nilai pasaran premis itu yang dibuat oleh penilai berlesen di bawah subperaturan (3) hendaklah mengikat pemilik dan pemegang lesen itu.

Pembayaran sumbangan modal bagi premis yang dinyatakan dalam Bahagian III Jadual Ketiga

18. (1) Pemilik premis di bawah Bahagian III Jadual Ketiga hendaklah membayar sumbangan modal kepada pemegang lesen pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian III Jadual Ketiga—

(a) apabila dimaklumkan oleh pemegang lesen di bawah subperaturan 17(2); atau

(b) dalam hal jika pemilik mempertikaikan sumbangan modal itu, apabila penilaian nilai pasaran premis itu dibuat oleh seorang penilai berlesen di bawah subperaturan 17(3).

(2) Walau apa pun subperaturan (1), jika pemilik premis di bawah subperaturan (1) membeli suatu tapak tanah kosong daripada pemaju dan pemaju telah membayar sumbangan modal bagi pembangunan itu di bawah peraturan 16, pemilik itu tidak boleh dicajkan dengan sumbangan modal.

(3) Jika pemegang lesen mengenakan sumbangan modal ke atas pemilik premis di bawah Bahagian III Jadual Ketiga, pemilik itu hendaklah membayar sumbangan modal apabila mengemukakan permohonan kepada pemegang lesen bagi pemasangan meter.

JADUAL PERTAMA

BAHAGIAN I

[peraturan 3]

DEPOSIT BAGI AKAUN BEKALAN AIR

(1) Butiran	(2) Kategori premis	(3) Kadar (RM)
1. Kediaman		
(a) Flat/rumah kos rendah		50
(b) Unit rumah pangsa/kondominium		70
(c) Rumah satu tingkat		70
(d) Rumah dua/berbilang tingkat		100
(e) Rumah pangsa/kondominium/flat/komuniti berpagar dengan meter pukal		2,000

(1) Butiran	(2) Kategori premis	(3) Kadar (RM)
2.	Komersial dan Industri	
(a)	Rumah kedai satu tingkat dengan anggaran permintaan air tidak melebihi 2000 liter bagi setiap hari	200
(b)	Rumah kedai dua/berbilang tingkat dengan anggaran permintaan air tidak melebihi 4550 liter bagi setiap hari	300
(c)	Pili bomba persendirian (dengan meter air berasingan)	200
(d)	Kios air	750
(e)	Bekalan air bagi kerja pembinaan	(Anggaran permintaan air bulanan yang diberikan oleh pengguna kepada pemegang lesen pengagihan) x (kadar perkhidmatan bekalan air) x 2
(f)	Apa-apa premis atau kegunaan komersial atau industri lain yang tidak termasuk di bawah perenggan (a) hingga (e) di atas	(Anggaran permintaan air bulanan yang diberikan oleh pengguna kepada pemegang lesen pengagihan) x (kadar perkhidmatan bekalan air) x 2
3.	Sosial	
(a)	Tempat ibadat/bangunan bagi institusi keagamaan	100
(b)	Pusat dan dewan komuniti	100
4.	Institusi kerajaan dan organisasi tanpa untung	
(a)	Institusi kerajaan	100
(b)	Organisasi tanpa untung yang diluluskan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis	100

BAHAGIAN II

[peraturan 9]

DEPOSIT BAGI PENGUJIAN METER

(1) Butiran	(2) Kategori	(3) Kadar (RM)
1.	Bagi meter bersaiz kurang daripada 50 mm	50
2.	Bagi meter bersaiz 50 mm dan ke atas	Kos pengujian meter

BAHAGIAN III

[peraturan 10]

DEPOSIT BAGI BEKALAN BERMETER SEMENTARA

(1) Butiran	(2) Kategori	(3) Kadar (RM)
1.	Bekalan bermeter sementara	(Anggaran permintaan air bulanan yang diberikan oleh pengguna kepada pemegang lesen pengagihan air) x (kadar perkhidmatan bekalan air) x 2

JADUAL KEDUA

BAHAGIAN I

[peraturan 11]

FI BAGI PEMASANGAN METER

(1) Butiran	(2) Kategori	(3) Kadar (RM)
1.	Bagi meter bersaiz kurang daripada 50 mm	40
2.	Bagi meter bersaiz 50 mm hingga 100 mm	80
3.	Bagi meter bersaiz 101 mm hingga 150 mm	100
4.	Bagi meter bersaiz lebih daripada 150 mm	120

BAHAGIAN II

[peraturan 12]

CAJ PEMOTONGAN ATAU PENYAMBUNGAN SEMULA BEKALAN AIR

(1) Butiran	(2) Kategori	(3) Kadar (RM)
1.	Bagi setiap pemotongan atau penyambungan semula bekalan air	
	(a) bagi meter bersaiz kurang daripada 50 mm	35
	(b) bagi meter bersaiz 50 mm hingga 100 mm	50
	(c) bagi meter bersaiz 101 mm hingga 150 mm	100

(1) Butiran	(2) Kategori	(3) Kadar (RM)
	(d) bagi meter bersaiz lebih daripada 150 mm	Kos sebenar bagi pemotongan atau penyambungan semula
	(e) yang dilakukan pada simpai logam	Kos sebenar bagi pemotongan atau penyambungan semula
2.	Notis bagi pemotongan bekalan air	3

BAHAGIAN III
[peraturan 13]
CAJ PENGUJIAN INJAP ALIRAN TETAP

(1) Butiran	(2) Kategori	(3) Kadar (RM)
1.	Bagi setiap ujian yang dijalankan	150

JADUAL KETIGA
BAHAGIAN I
[peraturan 14, 15 dan 16]
KADAR SUMBANGAN MODAL BAGI PREMIS KEDIAMAN
YANG DIBANGUNKAN OLEH PEMAJU

(1) Butiran	(2) Jenis premis	(3) <i>Jika sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan dibina oleh pemaju Kadar bagi setiap premis (RM)</i>	(4) <i>Jika sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen Kadar bagi setiap premis (RM)</i>
1.	Rumah/flat kos rendah/sederhana rendah/sederhana	75	$75 + (0.40 \times \text{anggaran permintaan air jika sesalur utama bekalan dibina oleh pemegang lesen}) + (0.80 \times \text{anggaran permintaan air jika takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen})$
2.	Apa-apa jenis premis dengan harga jualan=nilai pasaran melebihi RM70,000.00 hingga RM150,000.00	300	$300 + (0.40 \times \text{anggaran permintaan air jika sesalur utama bekalan dibina oleh pemegang lesen}) + (0.80 \times \text{anggaran permintaan air jika takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen})$

(1) Butiran	(2) Jenis premis	(3) <i>Jika sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan dibina oleh pemaju Kadar bagi setiap premis (RM)</i>	(4) <i>Jika sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen Kadar bagi setiap premis (RM)</i>
3.	Apa-apa jenis premis dengan harga jualan=nilai pasaran melebihi RM150,000.00 hingga RM300,000.00	500	$500 + (0.40 \times \text{anggaran permintaan air jika sesalur utama bekalan dibina oleh pemegang lesen}) + (0.80 \times \text{anggaran permintaan air jika takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen})$
4.	Apa-apa jenis premis dengan harga jualan=nilai pasaran melebihi RM300,000.00 hingga RM500,000.00	1000	$1000 + (0.40 \times \text{anggaran permintaan air jika sesalur utama bekalan dibina oleh pemegang lesen}) + (0.80 \times \text{anggaran permintaan air jika takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen})$
5.	Apa-apa jenis premis dengan harga jualan=nilai pasaran melebihi RM500,000.00	1500	$1500 + (0.40 \times \text{anggaran permintaan air jika sesalur utama bekalan dibina oleh pemegang lesen}) + (0.80 \times \text{anggaran permintaan air jika takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen})$

BAHAGIAN II
[peraturan 14, 15 dan 16]

**KADAR SUMBANGAN MODAL BAGI PREMIS BUKAN KEDIAMAN
YANG DIBANGUNKAN OLEH PEMAJU ATAU PEMILIK**

(1) Butiran	(2) Jenis premis	(3) <i>Jika sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan dibina oleh pemaju atau pemilik Kadar bagi setiap premis (RM)</i>	(4) <i>Jika sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen Kadar bagi setiap premis (RM)</i>
1.	(a) Rumah kedai (b) Kedai pejabat (c) Kilang bersambung/berteres	$500 \times \text{bilangan tingkat} \times \text{bilangan sambungan bekalan air bagi setiap tingkat}$	$(500 \times \text{bilangan tingkat} \times \text{bilangan sambungan bekalan air bagi setiap tingkat}) + (0.40 \times \text{anggaran permintaan air jika sesalur utama bekalan dibina oleh pemegang lesen}) + (0.80 \times \text{anggaran permintaan air jika takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen})$

(1) Butiran	(2) Jenis premis	(3) Jika sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan dibina oleh pemaju atau pemilik	(4) Jika sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen
		Kadar bagi setiap premis (RM)	Kadar bagi setiap premis (RM)
	(d) Bengkel industri ringan (e) Bengkel berkembar/bengkel banglo (f) Premis industri berat (g) Premis industri sederhana (h) Premis industri ringan	1000 or $(0.18 \times \text{anggaran permintaan air})$, mengikut mana-mana yang lebih tinggi	$(1000 \text{ atau } (0.18 \times \text{anggaran permintaan air})) + (0.40 \times \text{anggaran permintaan air jika sesalur utama bekalan dibina oleh pemegang lesen}) + (0.80 \times \text{anggaran permintaan air jika takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen})$
	(i) Premis kerajaan	1000 atau $(0.13 \times \text{anggaran permintaan air})$, mengikut mana-mana yang lebih tinggi	$(1000 \text{ atau } (0.13 \times \text{anggaran permintaan air})) + (0.40 \times \text{anggaran permintaan air jika sesalur utama bekalan dibina oleh pemegang lesen}) + (0.80 \times \text{anggaran permintaan air jika takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen})$
	(j) Premis bagi institusi pendidikan swasta (k) Hospital swasta	1000 atau $(0.18 \times \text{anggaran permintaan air})$, mengikut mana-mana yang lebih tinggi	$(1000 \text{ atau } (0.18 \times \text{anggaran permintaan air})) + (0.40 \times \text{anggaran permintaan air jika sesalur utama bekalan dibina oleh pemegang lesen}) + (0.80 \times \text{anggaran permintaan air jika takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen})$
	(l) Pasar	1000 atau $(0.13 \times \text{anggaran permintaan air})$, mengikut mana-mana yang lebih tinggi	$(1000 \text{ atau } (0.13 \times \text{anggaran permintaan air})) + (0.40 \times \text{anggaran permintaan air jika sesalur utama bekalan dibina oleh pemegang lesen}) + (0.80 \times \text{anggaran permintaan air jika takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen})$

(1) Butiran	(2) Jenis premis	(3) Jika sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan dibina oleh pemaju atau pemilik Kadar bagi setiap premis (RM)	(4) Jika sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen Kadar bagi setiap premis (RM)
	<ul style="list-style-type: none"> (m) Pejabat/ kompleks komersial (n) Pusat atau dewan komuniti (o) Hotel (p) Terminal bas (q) Kios petrol (r) Stadium (s) Padang golf (t) Lapangan terbang (u) Jenis premis yang lain 	1000 atau $(0.18 \times \text{anggaran permintaan air})$, mengikut mana-mana yang lebih tinggi	$(1000 \text{ atau } (0.18 \times \text{anggaran permintaan air}), \text{ mengikut mana-mana yang lebih tinggi} + (0.40 \times \text{anggaran permintaan air jika sesalur utama bekalan dibina oleh pemegang lesen}) + (0.80 \times \text{anggaran permintaan air jika takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen})$

BAHAGIAN III

[peraturan 14, 17 dan 18]

KADAR SUMBANGAN MODAL BAGI PREMIS KEDIAMAN YANG DIBANGUNKAN OLEH PEMILIK SELAIN YANG DINYATAKAN DALAM BAHAGIAN I

(1) Butiran	(2) Jenis premis	(3) Jika telah sedia ada sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan yang dibina oleh pemegang lesen Kadar satu premis (RM)	(4) Jika sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan hendak dibina oleh pemegang lesen Kadar satu premis (RM)
1.	Apa-apa jenis premis dengan harga jualan/nilai pasaran melebihi RM70,000.00 hingga RM150,000.00	300	$300 + (0.40 \times \text{anggaran permintaan air jika sesalur utama bekalan dibina oleh pemegang lesen}) + (0.80 \times \text{anggaran permintaan air jika takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen})$
2.	Apa-apa jenis premis dengan harga jualan/nilai pasaran melebihi RM150,000.00 hingga RM300,000.00	500	$500 + (0.40 \times \text{anggaran permintaan air jika sesalur utama bekalan dibina oleh pemegang lesen}) + (0.80 \times \text{anggaran permintaan air jika takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen})$

(1) Butiran	(2) Jenis premis	(3) <i>Jika telah sedia ada sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan yang dibina oleh pemegang lesen</i>	(4) <i>Jika sesalur utama bekalan atau takungan perkhidmatan hendak dibina oleh pemegang lesen</i>
			<i>Kadar satu premis (RM)</i>
3.	Apa-apa jenis premis dengan harga jualan=nilai pasaran melebihi RM300,000.00 hingga RM500,000.00	1000	1000 + (0.40 x anggaran permintaan air jika sesalur utama bekalan dibina oleh pemegang lesen) + (0.80 x anggaran permintaan air jika takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen)
4.	Apa-apa jenis premis dengan harga jualan=nilai pasaran melebihi RM500,000.00	1500	1500 + (0.40 x anggaran permintaan air jika sesalur utama bekalan dibina oleh pemegang lesen) + (0.80 x anggaran permintaan air jika takungan perkhidmatan dibina oleh pemegang lesen)

JADUAL KEEMPAT

[subperaturan 14(3)]

JENIS PREMIS YANG TIDAK DIKENAKAN SUMBANGAN MODAL

(1) Butiran	(2) Kategori
1.	Skim perumahan kos rendah yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri
2.	Premis yang dimiliki oleh pemilik rumah individu yang dinilai kurang daripada RM70,000.00
3.	Tempat beribadat dan bangunan bagi institusi keagamaan
4.	Premis yang dimiliki oleh organisasi tanpa untung yang diluluskan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis
5.	Pusat komuniti dan dewan serba guna untuk kegunaan awam

JADUAL KELIMA

[peraturan 2]

ANGGARAN PERMINTAAN AIR

(1) Perkara	(2) Jenis premis	(3) <i>Purata anggaran permintaan air harian (liter)</i>
1.	Rumah teres kos rendah/flat kos rendah	1100 bagi setiap unit
2.	Rumah teres setingkat/rumah kos rendah (kurang daripada RM25,000.00)/flat sederhana rendah dan sederhana	1300 bagi setiap unit

(1) Perkara	(2) Jenis premis	(3) Purata anggaran permintaan air harian (liter)
3.	Rumah teres dua tingkat/flat kos tinggi/rumah pangsa/rumah bandar	1500 bagi setiap unit
4.	Rumah berkembar/kelompok	2000 bagi setiap unit
5.	Banglo/kondominium	2000 bagi setiap unit
6.	Pasar basah	1500 bagi setiap gerai
7.	Pasar kering	450 bagi setiap gerai
8.	Rumah kedai (satu tingkat)/kedai kos rendah	2000 bagi setiap unit
9.	Rumah kedai (dua tingkat)	3000 bagi setiap unit
10.	Rumah kedai (tiga tingkat)	4100 bagi setiap unit
11.	Rumah kedai (empat tingkat)	4550 bagi setiap unit
12.	Bengkel perindustrian ringan	1500 bagi setiap unit
13.	Bengkel berkembar/bengkel banglo	1500 bagi setiap unit
14.	Bangunan bagi industri berat*	65,000 bagi setiap hektar
15.	Bangunan bagi industri sederhana*	50,000 bagi setiap hektar
16.	Bangunan bagi industri ringan*	33,000 bagi setiap hektar
17.	Pejabat/kompleks/komersial (penggunaan domestik)	1000 bagi setiap 100 meter persegi
18.	Pusat atau dewan komuniti	1000 bagi setiap 100 meter persegi
19.	Hotel	1500 bagi setiap bilik
20.	Institusi pendidikan (selain sekolah dan tadika)	100 bagi setiap pelajar
21.	Sekolah harian/tadika	50 bagi setiap pelajar
22.	Sekolah asrama penuh/institusi pengajian tinggi dengan kemudahan asrama	250 bagi setiap pelajar
23.	Hospital	1500 bagi setiap katil
24.	Masjid atau tempat ibadat yang lain	50 bagi setiap orang
25.	Penjara	250 bagi setiap orang
26.	Kem tentera	250 bagi setiap orang
27.	Terminal bas	900 bagi setiap ruang perkhidmatan
28.	Kios petrol (dengan tempat mencuci kereta)	50,000 bagi setiap unit
29.	Kios petrol (tanpa tempat mencuci kereta)	10,000 bagi setiap unit
30.	Stadium	55 bagi setiap orang
31.	Padang Golf	1000 bagi setiap 100 meter persegi

<i>(1) Perkara</i>	<i>(2) Jenis premis</i>	<i>(3) Purata anggaran permintaan air harian (liter)</i>
32.	Gudang	1500 bagi setiap unit
33.	Restoran	25 bagi setiap meter persegi
34.	Lapangan terbang	25 bagi setiap penumpang
35.	Lain-lain	Seperti anggaran permintaan air oleh pemaju atau pemilik

* Seperti yang dikelaskan di bawah Piawaian Perancangan Kawasan Perindustrian yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa atau penggantinya.

Dibuat 15 Januari 2014
 [KeTTHA:BP(S)9/9; PN(PU2)660/IX]

DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI
Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

WATER SERVICES INDUSTRY (WATER SERVICES DEPOSITS, FEES AND CHARGES) REGULATIONS 2014

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

DEPOSITS

3. Deposit for water supply account
4. Deposit review
5. Formula for review
6. Reviewed deposit
7. Existing account
8. Refund of deposit
9. Deposit for meter testing
10. Deposit for temporary metered supplies

PART III

FEE AND CHARGES

11. Meter installation fee
12. Disconnection or reconnection of water supply charges
13. Constant flow valve testing charges

PART IV

CAPITAL CONTRIBUTION

14. Capital contribution
15. Determination of capital contribution for premises specified in Parts I and II of the Third Schedule

Regulation

